



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17 August 2015



NAJIB TUN RAZAK menyampaikan Anugerah Keluarga Mithali kepada Fazi Lahaman (empat dari kiri) dan isteri, Hamidah Ishak (empat dari kanan) sambil diperhatikan oleh Zambrly Abd. Kadir (dua dari kiri), Hasbullah Osman (lima dari kiri) dan Tajol Rosli Ghazali (kiri) pada Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Gerik, Perak, semalam. - UTUSAN/ZULKARNAIN MOHD. SAIDIN

Krisis UMNO, mata wang sebelum ini lebih buruk - Najib

um - 17/8/2015

GERIK 16 Ogos - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, krisis politik yang dialami UMNO dan kejatuhan nilai ringgit ketika era Perdana Menteri sebelum ini lebih buruk berbanding dalam tempoh pentadbiran beliau ketika ini.

Namun kata Perdana Menteri, semua krisis itu berjaya diatasi hasil sokongan padu ahli UMNO kepada pemimpin mereka.

Menurut beliau, krisis UMNO pada 1987 telah membawa kepada UMNO diharamkan, begitu juga kejatuhan teruk mata wang negara ketika krisis ekonomi dunia pada 1997.

"Kalau nak kira masalah, zaman saya boleh dikatakan tak berapa banyak masalah. Zaman orang lain yang memerintah selama 22 tahun barangkali lebih besar masalah.

"Ketika krisis parti pada 1987, wujud Team A dan Team B sehingga UMNO diharamkan dan penubuhan UMNO baharu. Malahan presiden parti ketika itu menang (pemilihan presiden) dengan 41 undi sahaja.

"Tetapi setiap masalah itu berjaya dilepasi kerana orang macam

saya memberikan sokongan kepada Perdana Menteri ketika itu. Kita susun balik parti kita, kuatkan barisan, yakin kepada pucuk pimpinan, bergerak dalam saf yang besar, maka kini kita muncul sebagai parti yang gagah perkasa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Gerik di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambrly Abd. Kadir; Pengerusi Veteran UMNO, Tan Sri Tajol Rosli Ghazali dan Ahli Parlimen Gerik, Datuk Hasbullah Osman.

Mengenai nilai ringgit yang merosot ketika ini, Perdana Menteri berkata, perkara yang sama berlaku pada 1997, namun krisis kali ini bukan disebabkan keadaan politik negara.

"Kejatuhan nilai mata wang kita hari ini tidak seteruk itu (pada 1997). Kalau hendak kata hanya ringgit sahaja yang jatuh, negara lain yang mengeksport komoditi semuanya mengalami kejatuhan. New Zealand lebih teruk daripada

kita.

"Ini semua disebabkan faktor di luar kawalan. Siapa boleh kawal harga minyak? Malaysia boleh kawal? Tidak boleh, begitu juga harga getah yang tertakluk kepada pasaran dunia," katanya.

Perdana Menteri turut memperitakikan dakwaan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad di dalam blog Che Det.com yang kononnya hanya membelanjakan RM10 juta untuk menang dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 1999.

Menurut Najib, setelah dicongak, dalam PRU tersebut, Barisan Nasional (BN) bertanding dalam 193 kerusi Parlimen dan 394 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Bayaran deposit untuk calon bertanding sahaja sudah RM5,000. Peruntukan kempen RM100,000 bagi setiap kerusi Parlimen dan RM50,000 untuk setiap kerusi DUN, semuanya saya kira sudah mencecah RM41.1 juta.

"Itu baru belanja untuk parti sebelum pilihan raya. Ini adalah fakta, kalau nak cakap mesti atas fakta yang benar," katanya.